KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



PELAN ANTIRASUAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2020-2024


Diterbitkan Oleh:

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.











BAB I

1.1 LATAR BELAKANG
02 Muka Surat
1.2 DASAR PENDIDIKAN KPM
03 Muka Surat
1.3 POLISI SEDIA ADA DALAM MENANGANI RASUAH
04-05 Muka Surat
1.4 BIDANG KEUTAMAAN TERDEDAH KEPADA RASUAH
06-07 Muka Surat

BAB II

2.1 FENOMENA RASUAH
10 Muka Surat
2.2 SENARIO KPM
10 Muka Surat
2.3 KEMUNGKINAN RASUAH
10 -11 Muka Surat
2.4 SENARIO MASA HADAPAN PELAN ANTIRASUAH KPM
12-15 Muka Surat

BAB III

3.1 KEPERLUAN KEPADA PELAN ANTIRASUAH KPM
18 Muka Surat
3.2 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KPM
18-20 Muka Surat
3.3 ANALISIS DATA
21-39 Muka Surat
3.4 PELAN TINDAKAN
40-47 Muka Surat

BAB IV

4.1 PAKAR RUJUK
50 Muka Surat
4.2. MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN
50-53 Muka Surat

BAB V

5.1 KESIMPULAN
56-57 Muka Surat

KANDUNGAN

AMANAT
YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI MALAYSIA MERANGKAP PEMANGKU MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum W.B.T. dan Selamat Sejahtera.

Perancangan Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2020-2024 merupakan kesinambungan kepada Rancangan Antirasuah Nasional yang telah dilancarkan pada tahun 2019.

Rancangan ini menggambarkan komitmen kementerian dalam menangani isu salah guna kuasa, penyelewengan, dan rasuah serta menyemai dan memperkukuhkan amalan integriti dalam kalangan warganya.

Bagi saya usaha sebegini harus diperluas kerana ia menetapkan secara jelas langkah-langkah yang akan dan perlu diambil untuk memastikan integriti tercapai.

Tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah menghasilkan perancangan ini dan saya harap ia akan dilaksanakan dan dihayati sepenuhnya.

Pengukuhan integriti merupakan faktor penting bagi warga kementerian terutamanya para pendidik. Ianya selari dengan Falsafah Pendidikan Negara dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggung-jawab.

Ia satu tanggungjawab bagi setiap warga kementerian dalam menjadikan amalan integriti sebagai gaya hidup.

Kita sering menekankan kepada mencari pengetahuan dan ilmu dan keputusan peperiksaan menjadi ukuran jaya atau gagalnya seseorang pelajar.

Amat malang jika kita berjaya melahirkan pelajar yang berjaya di dalam akademiknya tetapi tidak berpegang kepada nilai mulia dan integriti.

Nilai mulia dan integriti itu juga adalah satu sikap dan budaya yang kerap kali menjadi pendorong kepada kejayaan akademik dan lain-lain lapangan.

Pelajar yang pencapaian akademiknya cemerlang serta mempunyai integriti akan tentukan masa depan Negara. Sebab itulah sifat ini perlu dibina dengan bersungguh- sungguh.

Pendidik bertanggungjawab untuk membentuk pelajar seperti ini. Sudah pasti pendidik juga perlu mempunyai integriti jika mereka mahu melihat pelajar berpegang kepada nilai-nilai tersebut.

Jika ini dapat kita bentuk dan jadikan teras kepada sistem pendidikan kita, usaha kita mencapai status Negara maju menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 akan berhasil.

Sekian, terima kasih.

(TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)
Perdana Menteri Malaysia
Merangkap Pemangku Menteri Pendidikan Malaysia
18 Februari 2020


MAHATHIR

PERUTUSAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dan bersungguh-sungguh dalam membangun dan menggubal Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia 2020 - 2024.

"Tiada kejayaan tanpa usaha, tiada kecemerlangan tanpa komitmen".

Bagi memastikan kejayaan pelan ini, saya amat berharap semua pihak terutamanya pihak yang telah diamanahkan secara khusus agar dapat mencurahkan komitmen dengan tanggungjawab dengan sepenuhnya. Kejayaan kepada pelaksanaan pelan ini bukanlah untuk pihak-pihak tertentu, tetapi kejayaan tersebut adalah untuk dinikmati oleh kita semua rakyat Malaysia terutama keluarga besar Kementerian Pendidikan Malaysia dan generasi yang akan datang.

Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan salah satu dasar utama dalam memandu kementerian bagi menangani isu-isu rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan, dan sekali gus menginstitusikan integriti dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan Malaysia. Bersama-samalah kita menjalankan amanah ini dengan penuh komitmen dan rasa bertanggungjawab dalam memastikan hasil kerja adalah yang terbaik. Besarlah harapan saya agar pelan ini dapat dilaksanakan dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kerjasama semua pihak amatlah saya hargai dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.



(DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
31 Januari 2020


MOHD GAZALI



BAB I
PENDAHULUAN





PENDAHULUAN



1.1 LATAR BELAKANG

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan sebuah kementerian di Malaysia yang ditubuhkan secara rasminya pada 9 Ogos 1955 dengan tujuan untuk membangunkan suatu sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia.

Matlamat penubuhan KPM adalah untuk:

01 Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu;

02 Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan, dan sejahtera;

03 Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara; dan

04 Memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.

Secara ringkasnya, pada 27 Mac 2004 buat pertama kalinya Kementerian Pengajian Tinggi diwujudkan selepas rombakan kabinet yang dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Pada 15 Mei 2013, kementerian ini telah digabungkan semula dengan diterajui oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Rombakan Kabinet Persekutuan pada 28 Julai 2015 pula menyaksikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diwujudkan semula dengan rasminya selaras dengan peruntukan Akta yang berkaitan dengan pendidikan tinggi. Pada tahun 2018, sistem pendidikan negara bermula dari peringkat prasekolah hingga ke pendidikan tinggi kini telah kembali digabungkan sekali lagi di bawah satu pentadbiran kerajaan yang baharu dengan proses penggabungan yang lebih terancang dan berstruktur.

"Untuk kepentingan pembangunan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada



secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan".

(Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Para 452, halaman 227)

1.2 DASAR PENDIDIKAN KPM

Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk Malaysia yang telah digubal pada 1988 dan disemak semula pada 1996, memaktubkan visi Kementerian dan Kerajaan yang berhasrat melahirkan generasi holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Pendidikan Wajib.

Pendidikan wajib ialah satu undang-undang yang memerlukan setiap ibu bapa warganegara Malaysia (yang menetap di Malaysia) yang mempunyai anak mencapai umur enam tahun mendaftarkannya di sekolah rendah. Tempoh pendidikan wajib adalah selama selama enam tahun, iaitu tempoh pendidikan rendah.

Pendidikan wajib telah dilaksanakan mulai tahun persekolahan 2003. Kegagalan ibu bapa memastikan anaknya mengikut pendidikan wajib merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang, dan jika disabitkan, ibu bapa berkenaan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.





1.3 POLISI SEDIA ADA DALAM MENANGANI RASUAH

1.3.1 Definisi Rasuah.

Menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, rasuah di-definisikan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah, dan diskaun.

1.3.2 Mengapa Perlu Tangani Rasuah?

Jenayah rasuah merupakan amalan yang membawa kepada pelbagai impak negatif seperti keruntuhan moral dan penindasan dalam kalangan masyarakat, kerosakan dan ancaman kepada negara, serta menggugat keselamatan dan keamanan. Rasuah ibarat virus. Rasuah akan menjejaskan dan menghancurkan pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara.

Rasuah perlu dielakkan kerana ia membawa kepada pelbagai kesan termasuk risiko pendakwaan jenayah, risiko kerugian kewangan, perdebatan moral, kenaikan kos pembiayaan, modal operasi dan kos penyelenggaraan sesuatu projek, kenaikan harga hartanah atau utiliti, atau kenaikan yuran atau kos untuk menggunakan sesuatu kelengkapan. Selain itu, rasuah menimbulkan ancaman kepada negara dan individu, boleh menyebabkan pergolakan sosial dan menggalakkan lebih banyak jenayah.

Berdasarkan sumber rasmi iaitu *Global Financial Integrity Report 2017*, di antara tahun 2005 hingga 2014, negara Malaysia telah kehilangan RM1.8 trilion menerusi aliran kewangan tidak sah yang sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan rasuah.

Manakala sektor yang paling terdedah kepada rasuah mengikut laporan dari SPRM ialah sektor awam kerana 63.30% daripada aduan rasuah yang diterima adalah melibatkan sektor awam di Malaysia.

Hal ini disebabkan oleh tadbir urus yang lemah dalam bidang perolehan, agensi penguatkuasaan undang-undang serta pentadbiran. Fenomena risiko rasuah yang tinggi di sektor awam ini turut disokong oleh statistik SPRM. Pada tahun 2015 hingga 2018, seramai 30 orang pegawai peringkat pengurusan tertinggi dalam sektor awam telah ditangkap kerana terlibat dalam rasuah. Keterlibatan pegawai tertinggi sektor awam ini bukan sahaja mengakibatkan kerugian dana awam tetapi turut menimbulkan pelbagai persoalan tentang integriti sektor awam dalam menjamin keselamatan dan kemakmuran negara.



1.3.3 Langkah Ke Arah Menangani Gejala Rasuah.

Selari dengan dasar dan komitmen Kerajaan Malaysia dalam menangani isu rasuah, KPM selaku peneraju agenda pendidikan negara sentiasa menyokong dan berusaha merealisasikan dasar tersebut. Antara usaha KPM dalam mencapai hasrat kerajaan adalah dengan membangun-kan dan menggubal Pelan Antirasuah KPM Tahun 2020-2024. Pelan ini akan menjadi rujukan induk bagi KPM dalam mencegah dan menangani isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi.



1.4 BIDANG KEUTAMAAN TERDEDAH KEPADA RASUAH

Bidang utama yang dikenal pasti terdedah kepada risiko rasuah di KPM adalah seperti yang berikut:

01

PENTADBIRAN

Pentadbiran adalah merujuk kepada semua pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah KPM. Penyampaian perkhidmatan dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej KPM. Asas bagi sektor pentadbiran terletak pada fungsi teras KPM untuk memastikan bahawa pelanggan KPM pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan. Pendekatan yang lebih sistematik adalah diperlukan dalam membangunkan dasar yang sesuai bagi menguruskan kecekapan sektor awam.

PEROLEHAN

02


Mengikut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh agensi awam. Oleh sebab perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, KPM perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan satu daripada bidang dalam KPM yang terdedah kepada rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Selain itu, perolehan juga melibatkan bidang pembangunan, termasuklah proses penyiapan projek-projek pembangunan. Bidang keutamaan ini merangkumi urusan pengurusan dan penyelarasan bajet serta pelaksanaan projek pembangunan di KPM.



03

TADBIR URUS KORPORAT

KPM menaungi beberapa agensi dan badan berkanun yang mempunyai kesan secara langsung terhadap perkhidmatan pendidikan kerana organisasi tersebut turut terdedah dengan risiko rasuah dan menjadi tanggung-jawab KPM untuk memastikan ianya bebas daripada gejala rasuah.





BAB II
CABARAN MENANGANI RASUAH









CABARAN MENANGANI RASUAH

2.1 FENOMENA RASUAH

Secara umum, jika diperhatikan di televisyen, di dada-dada akhbar, laman sosial dan media-media cetak yang lain, berita berkenaan kes rasuah seperti menjadi perkara yang biasa. Begitu juga apabila melayari portal-portal rasmi utama mengenai berita, cerita-cerita berkenaan rasuah tidak terlepas daripada pandangan mata. Mereka yang ditahan dan didakwa terlibat rasuah ini pula terdiri daripada peringkat atasan hingga ke peringkat bawahan.

Ada yang membabitkan penjawat awam mahupun pekerja di sektor swasta. Ada juga pengarah-pengarah syarikat yang diheret masuk keluar mahkamah sambil memakai baju oren kerana salah laku rasuah. Lebih menjadi tumpuan lagi, tokoh-tokoh politik turut bergari dan kena turun naik mahkamah atas dakwaan rasuah.

2.2 SENARIO KPM

KPM merupakan antara kementerian yang mempunyai tahap risiko rasuah yang tinggi. Perkara ini antara lain disebabkan KPM merupakan penerima bajet tahunan terbesar berbanding dengan kementerian-kementerian lain. Selain itu, senarai projek pembangunan yang banyak turut mempengaruhi kemungkinan gejala rasuah akan berlaku di KPM.

SENARIO KPM

2.3 KPM merupakan antara kementerian yang mempunyai tahap risiko rasuah

Di peringkat KPM, wujud pelbagai kemungkinan yang telah membawa kepada isu dan cabaran dalam menangani rasuah. Antara isu utama yang dihadapi ialah:


1. Campur tangan ahli politik dalam pentadbiran dan kewangan. Kebanyakan ahli politik dilihat mencampuri urusan pentadbiran apabila keuntungan peribadi dapat dicapai walaupun dengan membelakangi undang-undang dan peraturan. Campur tangan ini biasanya berlaku dalam proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan perolehan, proses pelantikan kerja dan sistem perundangan. Menurut laporan yang terdapat dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023, sektor yang tertinggi cenderung kepada rasuah dalam tempoh 2013 - 2018 ialah sektor perolehan. Perincian laporan tersebut adalah seperti yang berikut:



SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH: 2013-2018

(Aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [SPRM])





2. Kelemahan dalam penguatkuasaan peraturan di peringkat bahagian, jabatan dan agensi di kementerian. Terdapat peraturan yang tidak dikuat-kuasakan dengan sepenuhnya. Ketua Jabatan yang kurang memainkan peranan dan kurang bertanggungjawab dalam mengawal pegawai bawahan menyebabkan pelanggaran peraturan berlaku dengan mudah dan menjadi kebiasaan atau budaya di dalam jabatan.



2.4 SENARIO MASA HADAPAN PELAN ANTIRASUAH KPM

SENARIO 01
KESINAMBUNGAN

PENTADBIRAN



Pelan Antirasuah perlu seiring dengan perubahan teknologi yang akan datang dan menggunakan mekanisme pemantauan serta penilaian yang kurang efektif. Manakala perubahan kepimpinan yang tidak menyokong pelan sedia ada akan menyebabkan sistem tadbir urus lebih mengutamakan visi dan objektif organisasi tanpa mengambil kira pembangunan modal insan yang berintegriti. Kesedaran tentang implikasi rasuah atau salah guna kuasa akan memberi impak kepada organisasi masyarakat dan negara.

SENARIO 02
KEKANGAN

PENTADBIRAN

Campur tangan politik, pertukaran kepimpinan, perubahan dasar, pengagihan tugas yang tidak efektif, penstrukturan semula KPM, kurang kemahiran atau kecekapan yang bersesuaian dengan keperluan semasa, kurang komitmen anggota organisasi, kurang pendedahan kepada OACP dan penggunaan klausa dengan "budi bicara" dalam peraturan kerajaan serta sumber yang terhad (material, money, man, method).





PEROLEHAN

Penerimaan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang tidak sempurna:

- Bekalan/ perkhidmatan/ kerja mengikut garis panduan JKR. Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (amalan tidak sihat dalam pengurusan kewangan):
- Peruntukan lambat diperoleh
- Tiada perancangan awal
- Kekangan masa dalam pengumpulan data/ maklumat. Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (kebocoran maklumat di luar kawalan):
- Kebocoran maklumat masih berlaku walaupun peraturan/ garis panduan telah dikeluarkan.

Salah guna kuasa dalam proses perolehan (menandatangani Perjanjian Integriti *(Integrity Pact)* pada setiap mesyuarat perolehan):

- Integriti Pact dilaksanakan setiap kali perolehan hanya sekadar untuk mematuhi peraturan perolehan.

TADBIR URUS KORPORAT

Sistem tadbir urus korporat hanya menangani masalah ekonomi dan peralihan kepada tadbir urus korporat yang bersifat holistik masih dalam peralihan.

PEROLEHAN

Penerimaan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang tidak sempurna:

- Pegawai penerimaan tidak mempunyai kepakaran dalam bidang perolehan.

Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (amalan tidak sihat dalam pengurusan kewangan):

- Kontraktor tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh masa ditetapkan.
- Campur tangan politik
- Keterbatasan tenaga manusia (Limited manpower)
- Mempermudah birokrasi

Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (kebocoran maklumat di luar kawalan):

- Campur tangan pihak luar untuk mendapatkan maklumat Salah guna kuasa dalam proses perolehan (menandatangani Perjanjian Integriti pada setiap mesyuarat perolehan):
- Terdapat dalam kalangan ahli jawatankuasa perolehan yang tidak bersetuju inisiatif dibuat pada setiap kali perolehan.

TADBIR URUS KORPORAT

Aspirasi dan perancangan besar terhad kerana pencapaian yang kecil disebabkan oleh kekangan pelaksanaan dan kesungguhan pengurusan tertinggi agensi-agensi.

Sistem tadbir urus yang kukuh telah dibentuk untuk mekanisme semak dan imbang. Walau bagaimanapun hanya segelintir yang berjaya kerana masih ada individu yang terlibat dengan amalan rasuah.



SENARIO 03
PERKEMBANGAN

PENTADBIRAN

Ahli politik menghormati dan mematuhi segala inisiatif Pelan Antirasuah KPM. Persaingan yang sihat dalam pentadbiran mewujudkan best value for money. Kehidupan rakyat lebih aman dan harmoni serta ke arah wawasan kemakmuran bersama. Wujudnya sistem yang komprehensif dan pemilikan data atau source code diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan. Kesejahteraan kehidupan maksimum dengan kemudahan awam yang bertaraf kelas pertama di peringkat dunia dan kekuatan jati diri mengambil alih keperluan undang-undang dan penguatkuasaan.



SENARIO 04
MERUDUM

PENTADBIRAN

Campur tangan politik dalam pucuk kepimpinan politik yang menjadi kebiasaan, ketidak-patuhan penguatkuasaan dan kelemahan kawalan dalaman mengakibatkan pelaksanaan Pelan Antirasuah KPM tidak berjaya. Pelan Antirasuah KPM juga tidak relevan dengan perubahan ekonomi dan teknologi semasa kerana tiada semakan semula terhadap keperluan semasa.





PEROLEHAN

Penerimaan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang tidak sempurna:
- Laporan terimaan senarai semak, check and balance.

Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (amalan tidak sihat dalam pengurusan kewangan):
- Penyelarasan antara kementerian
- Perancangan awal disediakan
- Perancangan awal tidak disediakan
- Agihan lebih efisien dan efektif.

Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (kebocoran maklumat di luar kawalan):
- Tiada lagi kebocoran maklumat.

Salah guna kuasa dalam proses perolehan (menandatangani Perjanjian Integriti pada setiap mesyuarat perolehan):
- Dijadikan agenda tetap mesyuarat. Pengerusi mesyuarat membaca dan menekankan penghayatan Integriti Pact dalam proses perolehan.

TADBIR URUS KORPORAT

Persekitaran tadbir urus korporat yang menjunjung kepada pematuhan peraturan dan undang-undang mewujudkan sistem yang adil, saksama dan telus.

PEROLEHAN

Penerimaan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang tidak sempurna:
- Penilaian pemantauan akhir bagi terimaan perolehan. Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (amalan tidak sihat dalam pengurusan kewangan):
- Agihan peruntukan berdasarkan berat sebelah atau pilih kasih.

Agihan peruntukan tanpa perancangan awal (kebocoran maklumat di luar kawalan):
- Kebocoran maklumat menjadi kelaziman dalam KPM tanpa sebarang penyelesaian

Salah guna kuasa dalam proses perolehan (menandatangani Perjanjian Integriti pada setiap mesyuarat perolehan):
- Pelaksanaan Perjanjian Integriti tidak diamalkan di organisasi.

TADBIR URUS KORPORAT

Rasuah berlaku pada setiap peringkat dalam ekosistem diperingkat tertinggi hingga paling bawah dan berakar umbi dalam kalangan organisasi mengakibatkan kehilangan keyakinan terhadap integriti tadbir urus korporat.


LOKAP
SPRM

BAB III
MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH



MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

3.1 KEPERLUAN KEPADA PELAN ANTIRASUAH KPM



KPM selaku kementerian terbesar dalam perkhidmatan awam di Malaysia mendukung saranan dan hasrat kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang bebas rasuah. Justeru, pelan yang komprehensif dalam menangani isu rasuah dan salah guna kuasa amat diperlukan selaras dengan hasrat tersebut.

Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 bertujuan untuk memacu negara ke arah ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur khususnya di sektor awam. Pelan tersebut bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus.

Sehubungan itu, hasrat tersebut disambut baik oleh KPM dengan menghasilkan pelan antirasuah sendiri berdasarkan isu-isu dan latar belakang yang lebih dekat dengan dasar pendidikan negara. Beberapa statistik dan maklumat dari pelbagai sudut dijadikan sebagai asas dalam menentukan bidang keutamaan yang akan diberi perhatian dalam Pelan Antirasuah KPM.

3.2 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KPM

3.2.1 Hala Tuju

Pelan Antirasuah KPM diformulakan bertujuan membantu KPM membangunkan Pelan Strategi Antirasuah secara lebih berfokus.

Pelan Antirasuah KPM menggariskan penyataan masalah, mekanisme pendekatan dan inisiatif serta program-program yang relevan dalam usaha memperkukuhkan pelan pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan.



3.2.2 Visi

Pembentukan warga kerja KPM yang bebas rasuah dengan membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti yang sangat tinggi.

3.2.3 Misi

1. Mengenal pasti faktor, bentuk, kebarangkalian, potensi dan kesan rasuah dalam KPM mengikut bidang keutamaan.
2. Membaiki kelemahan governans dan integriti dalam KPM.
3. Melaksanakan inisiatif secara kolektif bagi menangani rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

3.2.4 Strategi

Pelan Antirasuah KPM dibangunkan dan digubal berdasarkan beberapa strategi utama seperti yang berikut:

1. Membangunkan pelan dengan menekankan governans, integriti dan antirasuah dalam KPM; dan
2. Memerangi rasuah di semua peringkat KPM selari dengan semangat dokumen panduan utama iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP).
3. Menganalisis data, mengenal pasti konteks, pengurusan risiko rasuah, perancangan senario penggubalan pelan, pemantauan dan penilaian bagi setiap tindakan.

Antara langkah-langkah utama dalam pembangunan Pelan Antirasuah KPM adalah:

1. Permohonan kelulusan pihak Pengurusan Tertinggi.
2. Penganalisisan data.
3. Penentuan konteks dan status isu rasuah.
4. Pengenalpastian risiko rasuah.
5. Penentuan bidang keutamaan untuk ditangani.
6. Penentuan perancangan senario.
7. Penentuan strategi dan pelan tindakan.
8. Penentuan kaedah dan pelaksanaan.
9. Pembentangan Pelan Antirasuah KPM kepada pihak Pengurusan Tertinggi.
10. Pelancaran Pelan Antirasuah KPM



Punca kuasa dalam membangunkan dan melaksanakan Pelan Antirasuah KPM adalah:

1. Merupakan agenda utama negara.
2. Inisiatif yang tercatat dalam buku NACP.
3. Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 Bil. 01/2019.
4. Cabutan minit Keputusan Mesyuarat JKKMAR.
5. Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Bil. 11/2019 pada 31 Julai 2019.

Pelan Antirasuah KPM dibangunkan dan digubal dengan bantuan kepakaran agensi peneraju iaitu Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) melalui sesi perbengkelan bersama-sama dengan wakil-wakil di bahagian dan jabatan KPM. Unit Integriti KPM berperanan sebagai penyelaras dan urus setia induk Pelan Antirasuah KPM.

Setiap bahagian, jabatan dan agensi di KPM mempunyai pegawai penyelaras yang akan bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan Pelan Antirasuah di peringkat bahagian/ jabatan/ agensi masing-masing.

Kepentingan membangunkan, menggubal dan melaksanakan Pelan Antirasuah di KPM adalah:

1. Menghasilkan pelan tindakan berdasarkan kapasiti keupayaan organisasi.
2. Membantu kementerian dalam proses kesiagaan menangani potensi berlakunya kebarangkalian risiko ketirisan governans, penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.
3. Memantapkan kementerian dalam pelaksanaan strategik inisiatif pelan tindakan governans, integriti dan antirasuah selari dengan visi, misi dan Pelan Strategik Kementerian.
4. Menjayakan aspirasi rakyat dan nasional dalam mewujudkan Malaysia sebagai negara bersih dan bebas rasuah serta dikenali kerana integritinya dan bukan rasuahnya.

5. Memudahkan pencapaian visi dan misi serta *Key Performance Indicators (KPI)* kementerian dengan lebih mudah dan efisien.
6. Melonjakkan reputasi dan prestasi organisasi dengan mengurangkan pelbagai teguran Laporan Ketua Audit Negara, kes-kes rasuah oleh SPRM dan kes-kes berkaitan tatatertib serta isu-isu disiplin dalam kalangan warga KPM.
7. Memperkasakan amalan pembudayaan governans, integriti dan antirasuah.

3.3 ANALISIS DATA

3.3.1 Dapatan Data yang Dikumpul

Data SPRM:

Statistik KPM Tahun 2015 Hingga Ogos 2019

Tahun	Maklumat	Kertas Siasatan	Tangkapan	Pertuduhan	Sabitan
2015	294	28	10	1	3
2016	431	40	6	5	2
2017	403	22	6	3	8
2018	422	27	16	4	3
2019	314	35	25	15	3
JUMLAH	**1864**	**152**	**63**	**28**	**19**

Sumber: Bahagian Pengurusan Rekod Dan Teknologi Maklumat, SPRM.

Statistik Tatatertib:

Ringkasan statistik tatatertib berdasarkan jenis kesalahan bagi kes yang diterima KPM bagi tahun 2015 hingga September 2019:





Bil.	Jenis Kesalahan	Tahun Laporan Diterima					Jumlah
		2015	2016	2017	2018	2019	
1.	Tidak Hadir Bertugas	266	268	334	289	202	**1,359**
2.	Melanggar Tatacara Kewangan	18	43	49	34	16	**160**
3.	Pelanggaran Disiplin/ Peraturan Am	17	30	61	21	13	**142**
4.	Kehilangan/ Surcaj	11	21	18	72	15	**137**
5.	Dadah (Jenayah)	21	22	20	24	12	**99**
6.	Mencemar Imej Perkhidmatan Awam	14	13	41	20	6	**94**
7.	Keterhutangan Kewangan Yang Serius/ Bankrap	15	20	26	14	8	**83**
8.	Ingkar Perintah	12	17	18	12	23	**82**
9.	Gangguan Seksual	13	17	18	24	6	**78**
10.	Keluar Negara Tanpa Kebenaran	9	10	19	11	11	**60**
11.	Memalsukan Dokumen	6	9	8	14	2	**39**
12.	Jenayah Sivil	10	5	5	5	9	**34**
13.	Dadah	5	7	6	8	5	**31**
14.	Politik	4	3	6	-	12	**25**
15.	Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu	5	2	11	3	4	**25**
16.	Lewat/ Ponteng	2	4	8	5	5	**24**
17.	SPRM	4	2	3	7	6	**22**
18.	Ganguan Seksual/ Cabul (Jenayah)	6	4	3	4	3	**20**
19.	Khalwat (Jenayah Syariah)	7	3	6	1	2	**19**
20.	Rogol/ Liwat (Jenayah)	-	4	3	6	1	**14**
21.	Rompak/ Curi (Jenayah)	1	3	2	2	3	**11**
22.	Memalsukan Sijil Cuti Sakit	4	1	2	4	-	**11**
23.	Meminda Butir Matan Sijil Cuti Sakit	3	-	2	2	3	**10**
24.	Laporan Ketua Audit Negara	2	1	5	1	-	**9**
25.	Membuat Kenyataan/ Siaran Tanpa Kebenaran	-	1	-	2	3	**6**
26.	Perintah Tahanan	-	2	3	-	-	**5**
27	Pemalsuan Dokumen (Jenayah)	1	-	2	2	-	**4**
28.	Akta Pengangkutan Jalan	2	1	-	1	-	**3**

Bil.	Jenis Kesalahan	Tahun Laporan Diterima					Jumlah
		2015	2016	2017	2018	2019	
29.	Merotan Pelajar	-	-	-	-	3	**3**
30.	Tidak Menghantar Buku Rekod Mengajar	-	-	-	-	2	**2**
31.	Hubungan Sulit	-	-	-	-	2	**2**
32.	Jenayah Syariah	1	1	-	-	-	**2**
33.	Pemalsuan Dokumen (Jenayah)	-	-	-	-	1	**1**
34.	Bunuh (Jenayah)	-	-	-	1	-	**1**
		459	514	679	589	378	**2,619**


Laporan Pengurusan Risiko Rasuah KPM:

Terdapat 40 inisiatif berkenaan risiko rasuah dalam Laporan Pengurusan Risiko Rasuah KPM. **Senarai risiko rasuah** adalah seperti yang berikut:

Bil.	Risiko Rasuah
1.	Kelemahan dalam Pemantauan Projek Fizikal.
2.	Proses Pemilihan Kontraktor/ Perunding yang Tidak Telus/ Tidak Terperinci.
3.	Kelemahan dalam Proses Pemeriksaan dan Pendaftaran Terhadap Institusi Pendidikan Swasta (IPS).
4.	Kebocoran Maklumat Tender/ Sebut Harga Perkhidmatan (Contoh: Anggaran Harga Jabatan, Spesifikasi).
5.	Manipulasi/ Ubah Suai Data oleh Pegawai (Urus Setia Tender, Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian Kewangan dan Teknikal) Sepanjang Proses Perolehan.
6.	Tuntutan Palsu dalam Penganjuran Program Pendidikan.
7.	Pemilihan Penyedia Latihan.
8.	Pemilihan Calon/ Pelajar untuk Kemasukan Ke Institusi Pendidikan yang Tidak Telus.
9.	Permohonan dan Penawaran Biasiswa/ Mencadangkan Permohonan Pelajar yang Tidak Layak atau Tidak Menepati Kriteria Tajaan (E-Penawaran).
10.	Penyalahgunaan Kad Inden Minyak dan Kad Touch ‘n Go.
11.	Penyelewengan Bantuan Kewangan Sekolah.
12.	Pemalsuan Laporan Projek oleh Penyelidik dan Syarikat.
13.	Proses Permohonan Pertukaran Guru.



Bil.	Risiko Rasuah
14.	Pemilihan Permohonan Awal di Peringkat Jabatan Pendidikan Negeri yang Tidak Menepati Kriteria yang Ditetapkan (Pengaruh Luar).
15.	Pemalsuan Maklumat/ Dokumen Permohonan.
16.	Sogokan Berbentuk Wang Tunai/ Hadiah Kepada Urus Setia/ Jawatankuasa yang Berkaitan di Peringkat Jabatan Pendidikan Negeri.
17.	Laporan Pemantauan Kerja kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan Institusi Pendidikan yang Tidak Tepat.
18.	Kebocoran Maklumat Tender/ Sebut Harga.
19.	Pemalsuan Dokumen Bayaran dan Tuntutan.
20.	Kajian Pasaran Tidak Telus.
21.	Pengurusan Pelaksanaan Program/ Aktiviti Pelajar.
22.	Pelaksanaan Program Kebolehpasaran Graduan Oleh IPTA Tidak Mengikut Kelulusan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Ge dari Kementerian.
23.	Projek Tidak Dilaksanakan Setelah Mendapat Kelulusan JPICT.
24.	Penyalahgunaan Kuasa dalam Pengurusan RMT.
25.	Penyalahgunaan Kuasa dalam Pengurusan Skim Bantuan Makanan Asrama.
26.	Dapatan Audit Pematuhan/ Pemeriksaan/ Siasatan Tidak Telus.
27.	Kebocoran Maklumat Awal Perancangan dan Pengendalian Siasatan.
28.	Penyalahgunaan Kuasa oleh Ketua Kluster untuk Meluluskan Program.
29.	Kebocoran Maklumat Calon kepada Pihak Ketiga.
30.	Proses Pembayaran yang Tidak Wajar.
31.	Kebocoran Maklumat Cadangan/ Syor Ahli Panel Mesyuarat.
32.	Memanipulasi Data Permohonan dalam Sistem UPU Online.
33.	Perkhidmatan Makan/ Minum bagi Program Bahagian Kewangan.
34.	Hasil Kutipan Tidak Dikreditkan oleh PTJ.
35.	Kebocoran Maklumat Surat Kelulusan Pengendalian Kursus.
36.	Penetapan Panel Validasi Mengikut Favouritism.
37.	Arahan Pertukaran PPPT Tidak Menepati Keperluan Institusi.
38.	Pengurusan Pemilihan Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti yang Tidak Telus.
39.	Pengurusan Pengambilan Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti.
40.	Pengurusan Geran Penyelidikan dan Inovasi.



Aduan Awam Terhadap KPM:

Berdasarkan laporan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK), KPM, jumlah aduan yang diterima **mengikut kategori** bagi tahun 2018-2019 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kategori / Sektor	2018		2019	
		Pendidikan	Pendidikan Tinggi	Pendidikan	Pendidikan Tinggi
1.	Kelewatan atau Tiada Tindakan	330	55	501	31
2.	Tindakan Tidak Adil	130	79	389	135
3.	Kekurangan Kemudahan Awam	6	0	22	21
4.	Kepincangan Perlaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang-Undang	1	11	36	3
5.	Salahguna Kuasa/ Penyelewengan	28	39	82	11
6.	Salahlaku Anggota Awam	35	6	40	14
7.	Kegagalan Mengikut Prosedur yang Ditetapkan	19	29	41	11
8.	Kegagalan Penguatkuasaan	0	5	41	6
9.	Kualiti Perkhidmatan yang Tidak Memuaskan Termasuk Kaunter dan Telefon	22	26	582	58
10.	Pelbagai Aduan	3,336	290	2,289	238
11.	Tadbir Urus	0	57	0	111
Jumlah Keseluruhan		**3,907**	**3,907**	**3,907**	**3,907**

Nota:

i. Perbezaan antara jumlah terima dan jumlah aduan adalah kerana terdapat beberapa kes yang diterima melibatkan lebih daripada satu agensi/ jabatan.

ii. Perbezaan antara jumlah terima dan jumlah aduan adalah kerana terdapat beberapa kes yang diterima melibatkan lebih daripada satu kategori/ isu.



Berdasarkan Laporan oleh UKK, KPM, jumlah aduan yang diterima berdasarkan 11 isu tertinggi bagi **Sektor Pendidikan** tahun 2018-2019 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Isu (Sektor Pendidikan)	Tahun	
		2018	2019
1.	Dasar	103	448
2.	Sekolah Menengah	111	134
3.	Sistem Aplikasi dalam Talian	127	188
4.	Kumpulan Pelaksana	131	0
5.	Pegawai Jabatan JPN/ Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	166	166
6.	Guru Besar	184	258
7.	Sistem Pengurusan Sekolah	186	150
8.	Sekolah Rendah	203	
9.	Guru	921	894
10.	Pengetua	79	160
11.	Murid	985	580
Jumlah Keseluruhan		**3,196**	**2,978**

Berdasarkan Laporan oleh UKK, KPM, jumlah aduan yang diterima mengikut isu bagi **Sektor Pendidikan Tinggi** tahun 2018-2019 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Isu (Sektor Pendidikan Tinggi)	Tahun	
		2018	2019
1.	Umum dan belum di-takrif mengikut kumpulan isu tertentu	235	544
Jumlah Keseluruhan		**235**	**544**

Berdasarkan laporan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK), KPM, jumlah aduan yang diterima **mengikut kategori** bagi tahun 2018-2019 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Sektor / Sumber	2018		2019	
		Pendidikan	Pendidikan Tinggi	Pendidikan	Pendidikan Tinggi
1.	Borang Laman Web	1,759	241	1,750	197
2.	E-mel	1,280	80	1,188	61
3.	Pemegang Taruh/ *Stake Holder*	577	143	382	133
4.	Surat	144	2	345	15
5.	Akhbar	73	0	17	2
6.	Telefon	40	1	82	6
7.	*Forward*	18	7	91	100
8.	Hadir Sendiri	7	3	4	3
9.	1MOCC	4	58	0	0
10.	Biro Pengaduan Awam	1	0	2	0
11.	SMS	0	0	1	0
12.	Facebook	1	0	156	2
13.	Lain-lain	3	0	5	0
14.	Menteri	NA	0	NA	25
Jumlah Keseluruhan		**3,907**	**535**	**4,023**	**544**







Pelan Antirasuah Nasional:

Terdapat 8 inisiatif yang telah diambil kira dalam membangunkan dan menggubal Pelan Antirasuah KPM, iaitu:

1. Membuat kajian semula untuk memantapkan kurikulum bagi Pendidikan guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi merangkumi aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah.

2. Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi.

3. Memperkukuhkan program kepimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir sedia ada di kementerian dengan memasukkan elemen tadbir urus insan.


4. Memperkukuhkan program kepimpinan bagi warga pendidikan dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan.

5. Memberi penekanan yang lebih terhadap kepentingan nilai murni insan dalam silibus pendidikan prasekolah.

6. Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah rendah yang berteraskan pembentukan sahsiah, jati diri dan kepimpinan yang utuh.

7. Memperkenalkan kursus mata pelajaran wajib universiti pada peringkat ijazah pertama yang menekankan aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran.

8. Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah menengah yang berteraskan pembentukan sahsiah, jati diri dan kepimpinan yang utuh.



Laporan Ketua Audit Negara:

Senarai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2013 - 2018 Melibatkan Isu Punitif di KPM:

Bil.	Tahun/ Siri	Tajuk Kajian
1.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2	Pengurusan Arahan Perubahan Kerja
2.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3	Perkhidmatan 1BestariNet
3.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2	(i) Pengurusan Penyenggaraan Bangunan dan Fasiliti Institut Pendidikan Guru, KPM (ii) Perolehan Peralatan ICT di KPM
4.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3	Pengurusan Projek-projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan
5.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1	(i) Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Tanjung Piai, Pontian, Johor. (ii) Projek Pembinaan Sekolah Seni Malaysia, Kuching Sarawak. (iii)Projek Pembaikan Struktur Bangunan dan Kemudahan-kemudahan Lain Sekolah di Negeri Sabah
6.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1	Pengurusan Perolehan Kerja dan Perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)
7.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2	(i) Projek Pemulihan Pasca Banjir di Institusi Pendidikan. (ii) Program Pendidikan Kesenian di Sekolah Seni Malaysia, Johor. (iii) Pengurusan Projek Pembinaan Semula dan Menaik Taraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah *Industrialised Building System (IBS)*
8.	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1	(i) Pengurusan Projek Hab Pendidikan Tinggi Pagoh Secara Kerjasama Awam Swasta (PPP) Melalui Kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) (ii) Program PERMATA pintar.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM):

5 Aspirasi Sistem:



6 Aspirasi Sistem:

i. Pengetahuan

Pada peringkat paling asas, setiap murid perlu memiliki keupayaan literasi dan numerasi sepenuhnya. Ciri ini melengkapkan mereka dengan kemahiran hidup asas, serta berfungsi secara berkesan dalam masyarakat bagi membolehkan mereka memupuk nilai untuk diri sendiri, masyarakat dan negara. Di samping itu, penting bagi murid menguasai mata pelajaran teras seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah. Mereka juga digalakkan untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan dalam bidang lain, seperti seni, muzik dan sukan. Selain pengetahuan dalam bidang ini, murid juga perlu mempunyai keupayaan mengaplikasi pengetahuan ini dalam situasi harian.

ii. Kemahiran Berfikir

Setiap murid perlu membina kemahiran inkuiri dan belajar cara untuk terus mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat

supaya boleh menghubung kait pelbagai pengetahuan, dan mewujudkan pengetahuan baharu. Kemahiran berfikir aras tinggi dan kemampuan untuk melakukan inovasi amat kritikal dalam dunia teknologi yang berkembang pesat. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting:

- **Pemikiran Kreatif dan Inovatif:** kemampuan menginovasi, menjana kemungkinan baharu, dan mencipta idea atau pengetahuan baharu;
- **Pemikiran Kritis dan Penaakulan:** keupayaan menganalisis maklumat, menjangka masalah dan mendekati isu secara kritis, logik, induktif, dan deduktif bagi mencari penyelesaian, dan akhirnya membuat keputusan; dan
- **Keupayaan Belajar:** keupayaan memacu pembelajaran sendiri, dengan kemampuan menghargai nilai pembelajaran sepanjang hayat.

Sistem pendidikan negara perlu meningkatkan kemahiran murid dalam bidang ini seperti yang digambarkan melalui skor TIMSS dan PISA sejak lima tahun lepas. Skor TIMSS dan PISA 2009+ menunjukkan bahawa murid kurang mampu mengaplikasi pengetahuan serta berfikir secara kritis di luar konteks akademik biasa. Sehubungan itu, adalah amat penting bagi sistem pendidikan negara membantu setiap murid memperoleh kemahiran berfikir.

iii. Kemahiran Memimpin

Kemampuan bekerja dengan berkesan dan memimpin orang lain adalah penting, terutamanya dalam dunia yang semakin saling berkait. Dalam Dialog Nasional, kepentingan memupuk kepimpinan dan keupayaan bekerja secara berkesan dalam satu pasukan bagi setiap murid sering dibangkitkan. Sistem pendidikan berusaha membantu setiap murid mencapai potensi masing-masing sepenuhnya melalui pelibatan sebagai pemimpin, serta bekerja dalam kumpulan. Dalam konteks sistem pendidikan, kepimpinan mempunyai empat unsur:

- **Keusahawanan:** mengambil inisiatif untuk mewujudkan dan membangunkan penyelesaian sendiri, dan bagi tujuan itu sanggup membuat pelaburan daripada sumber sendiri, serta terdorong untuk memastikan penyelesaian itu dizahirkan;
- **Berdaya tahan:** membina cara berfikir yang konstruktif serta mampu menghadapi rintangan;
- **Kecerdasan emosi:** berupaya memahami dan bekerja secara berkesan dengan orang lain serta mampu mempengaruhi mereka secara positif; dan
- **Ketrampilan komunikasi:** berupaya memberikan pendapat dan hasrat secara lisan dan bertulis dengan jelas.

Sekolah perlu menggunakan peluang yang disediakan di dalam bilik darjah melalui aktiviti

berasaskan projek dan kerja kumpulan, dan aktiviti di luar bilik darjah melalui sukan, seni, serta aktiviti kokurikulum dalam membangunkan keperibadian murid.

iv. Kemahiran Dwibahasa

Setiap murid akan menguasai Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa. Setiap murid juga akhirnya akan berpeluang mempelajari bahasa tambahan.

Kepelbagaian Malaysia yang unik dan warisan berbilang budaya memberikan kelebihan daya saing kepada semua. Murid akan terus berpeluang untuk mempelajari bahasa Cina dan Tamil di sekolah jenis kebangsaan. Kini, sesetengah sekolah kebangsaan juga menyediakan peluang untuk mempelajari bahasa ketiga seperti bahasa Cina, Tamil, Arab, Iban, dan Kadazan Dusun. Pada peringkat menengah, peluang ini diperluas untuk meliputi bahasa antarabangsa lain. Selepas jangka masa tertentu, semua murid akan digalakkan untuk belajar sekurangkurangnya tiga bahasa bagi membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa ini.



v. Etika dan Kerohanian

Sistem pendidikan akan mempersiapkan setiap murid supaya berani menghadapi cabaran masa depan, menyelesaikan konflik secara aman, membuat keputusan yang wajar dalam situasi kritikal, dan mempunyai keberanian melakukan apa yang betul. Penekanan diberikan kepada setiap murid dengan mewujudkan satu set prinsip, termasuk nilai bersama yang kukuh yang didukung oleh semua rakyat Malaysia:

- **Kerohanian:** mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai asas hidup, serta mendukung standard moral yang tinggi;
- **Integriti:** mempunyai keberanian, disiplin, dan semangat untuk melakukan perkara yang betul; dan
- **Tanggungjawab sivik:** bertindak untuk kebaikan negara, mengambil berat terhadap orang lain dan alam sekitar, dan memiliki keupayaan yang mendalam untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat.

vi. Identiti Nasional

Rakyat Malaysia perlu mempunyai perasaan tidak berbelah bahagi tentang identiti nasional dan berpegang teguh dengan prinsip Rukun Negara untuk memupuk perpaduan dan masa depan Malaysia. Setiap murid tanpa mengira etnik, kepercayaan,

taraf sosioekonomi atau lokasi harus berbangga menjadi rakyat Malaysia. Pencapaian matlamat patriotisme ini memerlukan semangat keterangkuman tinggi yang diperoleh dengan belajar memahami perbezaan dan bertolak ansur, menerima dan menghormati orang lain, serta hidup bersama dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia. Identiti nasional juga memerlukan setiap murid memahami sejarah Malaysia, berkongsi pengalaman dalam dan luar sekolah, dan berkongsi aspirasi untuk masa depan Malaysia.

11 Anjakan Transformasi:

i. Anjakan 1:

Menyediakan Kesamarataan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti Bertaraf Antarabangsa:

- Menanda aras pembelajaran bahasa, Matematik dan Sains dengan standard antarabangsa.
- Melancarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang disemak semula pada 2017.
- Merombak peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) untuk meningkatkan secara berperingkat peratusan soalan yang mentaksir kemahiran berfikir aras tinggi pada 2016.
- Meningkatkan kualiti pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM).
- Memperluas akses dan meningkatkan kualiti laluan pendidikan, bermula dengan pendidikan vokasional.
- Meningkatkan kualiti prasekolah dan menggalakkan enrolmen sejagat menjelang 2020.
- Meningkatkan pelaburan dalam sumber fizikal dan sumber pengajaran untuk murid berkeperluan khusus.
- Melanjutkan pendidikan wajib daripada 6 tahun kepada 11 tahun bermula pada umur 6 tahun.

ii. Anjakan 2:

Memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia dan bahasa inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan:

- Melaksanakan KSSR Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia untuk Sekolah Jenis Kebangsaan dengan sokongan pemulihan yang intensif bagi murid yang memerlukan.
- Memperluas program LINUS supaya meliputi literasi Bahasa Inggeris.
- Meningkatkan kemahiran guru Bahasa Inggeris.
- Menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris kertas wajib lulus peringkat SPM dan memperluaskan peluang bagi pendedahan terhadap bahasa Inggeris.
- Menggalakkan setiap murid mempelajari bahasa tambahan menjelang 2025.

iii. Anjakan 3:

Melahirkan rakyat yang menghayati nilai:

- Mengukuhkan Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral dengan lebih tumpuan kepada perpaduan dan memupuk persefahaman yang erat antara murid.
- Membangunkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam 1 Sukan, 1 Kelab, dan 1 Badan Beruniform.
- Mengukuhkan dan memperluaskan RIMUP mulai 2016 untuk memudah cara interaksi antara jenis sekolah.

iv. Anjakan 4:

Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan:

- Mengetatkan syarat kemasukan guru mulai 2013 supaya terdiri daripada kalangan graduan 30% teratas.
- Merombak IPG setanding dengan standard bertaraf dunia menjelang 2020.
- Meningkatkan kualiti program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) mulai 2013.
- Memastikan guru memberi tumpuan kepada fungsi teras pengajaran mulai 2013.
- Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi menjelang 2016.
- Memperluas laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran, dan pakar bidang khusus menjelang 2016.
- Membudayakan kecemerlangan berasaskan teladan rakan setugas dan proses pensijilan mulai 2025.

- Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi menjelang 2016.
- Memperluas laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran, dan pakar bidang khusus menjelang 2016.
- Membudayakan kecemerlangan berasaskan teladan rakan setugas dan proses pensijilan mulai 2025.

vi. Anjakan 5:

Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi di tempatkan di setiap sekolah:

- Memperkukuh kriteria pemilihan dan proses perancangan penggantian bagi pengetua/ guru besar mulai 2013.
- Melaksanakan Pakej Kerjaya Pengetua/ Guru Besar yang baharu secara berperingkat, dengan lebih sokongan dan kebertanggungjawaban yang tinggi bagi meningkatkan keberhasilan murid.

vii. Anjakan 6:

Mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk meyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan:

- Mempercepat penambahbaikan prestasi sekolah melalui program

yang sistematik dan dipimpin oleh PPD di semua negeri men jelang 2014.

- Memberi lebih kuasa melalui pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi kepada sekolah yang memenuhi kriteria prestasi minimum.
- Memastikan 100% sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas menjelang 2015, bermula dengan Sabah dan Sarawak.
- Memastikan semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan menerima sokongan kewangan yang saksama.

viii. Anjakan 7:

Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia:

- Menyediakan akses Internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui 1BestariNet bagi kesemua 10,000 sekolah.
- Menambahkan kandungan dalam talian untuk perkongsian amalan terbaik bermula dengan perpustakaan video guru terbaik menyampaikan
- Pengajaran dalam Sains, Matematik, Bahasa Malaysia, dan Bahasa Inggeris.
- Memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar kendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid.

ix. Anjakan 8:

Mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian:

- Mengupaya JPN dan PPD dengan memberi lebih hak membuat keputusan tentang bajet dan personel mulai 2013, serta meningkatkan kebertanggungjawaban bagi menambah baik keberhasilan murid.
- Sekurang-kurangnya 2,500 personel daripada kementerian dan JPN ditempatkan di PPD untuk memberi lebih sokongan kepada sekolah menjelang 2014.
- Memperkukuh kebolehupayaan kepimpinan bagi 150 - 200 jawatan kepimpinan utama mulai 2013.
- Merangka fungsi dan struktur baharu kementerian menjelang 2013, dan pelaksanaan mulai 2016.

x. Anjakan 9:

Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti, dan sektor swasta secara meluas:

- Melengkapkan setiap ibu bapa bagi membantu pembelajaran anak mereka melalui sarana pelibatan ibu bapa dan akses dalam talian kepada kemajuan anak di sekolah.
- Mendapatkan maklum balas daripada setiap PIBG mengenai pelaksanaan kurikulum setempat dan kualiti guru mulai 2016.

- Menambah bilangan model Sekolah Amanah kepada 500 menjelang 2025 dengan melibatkan kumpulan alumni dan NGO yang berpotensi sebagai penaja.

xx. Anjakan 10:

Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit:

- Mengaitkan setiap program kepada keberhasilan murid yang jelas dan merasional program berimpak rendah pada setiap tahun.
- Memanfaatkan peluang kecekapan, dengan mengagihkan peruntukan kepada bidang paling penting seperti peningkatan kemahiran dan latihan guru.

xxx. Anjakan 11:

Meningkatkan ketelusan untuk kebertangungjawaban awam secara langsung:

- Menerbitkan laporan tahunan awam tentang kemajuan sasaran dan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mulai 2013.
- Melaksanakan semakan komprehensif pada 2015, 2020 dan 2025.



3 Gelombang:

1 Gelombang 1 (2013 - 2015): Mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama.

2 Gelombang 2 (2016 - 2020): Memacu peningkatan sistem.

3 Gelombang 3 (2021 - 2025): Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi.

Pihak Berkepentingan:

Murid

Murid akan mendapat manfaat yang signifikan dalam perkembangan pendidikan mereka tanpa mengira latar belakang. Murid akan belajar dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif, dan akan berasa terangkum dan terdidik dengan pengalaman pembelajaran di sekolah. Apabila menamatkan persekolahan, murid akan mempunyai pengetahuan dan kemahiran bertaraf dunia, nilai moral yang tinggi, dan berupaya bersaing dengan rakan sebaya dari negara lain.

Guru

Guru akan meningkatkan keupayaan bertaraf dunia yang diperlukan bagi membantu mencapai keberhasilan murid yang dihasratkan, dan akan memperoleh lebih keseronokan dan kepuasan dalam menjalankan tugas mereka. Dengan pakej kerjaya guru yang baharu, mereka akan menikmati perkembangan profesional yang lebih memuaskan, laluan kerjaya yang lebih baik, dan proses penilaian yang telus dan adil serta berkait terus dengan keupayaan dan prestasi yang relevan.

Pemimpin Sekolah

Pemimpin sekolah akan menjadi pemimpin instruksional yang cemerlang, dan bertindak sebagai ejen perubahan. Mereka akan menikmati sokongan yang lebih padu dan perkhidmatan yang lebih baik daripada pegawai pendidikan persekutuan, negeri dan daerah. Mereka akan mendapat akses yang lebih besar terhadap latihan kepimpinan bertaraf antarabangsa, serta amalan terbaik daripada rakan sejawatan mereka di Malaysia.

Pegawai Kementerian

Pegawai Kementerian akan bertindak sebagai pemimpin perubahan, dengan kemahiran dan atribut yang diperlukan untuk menyokong sekolah. Mereka akan menjadi pengurus, pembimbing dan penyokong kecemerlangan sekolah yang lebih baik. Mereka akan mendapat manfaat daripada meritokrasi yang lebih besar, lebih kuasa dengan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi, dan tidak akan terbatas dengan hierarki dan kawalan.

Ibu Bapa

Ibu bapa akan menyaksikan penambahbaikan yang ketara dan lestari dalam pengalaman pendidikan anak-anak mereka. Prestasi dan keutamaan sekolah akan lebih telus, dan ibu bapa akan sentiasa dimaklumkan tentang keadaan anak mereka di sekolah dari segi pencapaian dan perkembangan. Ibu bapa akan berperanan seperti rakan kongsi sebenar dengan sekolah dalam membantu pembelajaran anak mereka.

Pihak Komuniti dan Swasta

Sektor komuniti dan swasta perlu memberi sokongan dan galakan yang tidak berbelah bagi kepada guru dan pemimpin sekolah, mengakui bahawa transformasi pendidikan memerlukan masa dan usaha. Mereka perlu terus memberikan maklum balas, dan menjadi kolaborator aktif dengan sekolah dan kementerian mengenai peningkatan sekolah.



Pelan Perancangan Strategik Sumber Manusia KPM 2017 - 2020:

Antara inisiatif strategik dan pelan tindakan yang terdapat di dalam Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia KPM 2017-2020 berkaitan dengan pembudayaan integriti adalah seperti yang berikut:



01

Memperkukuhkan *institutional memory* yang meliputi aspek *knowledge management, archiving* serta *repository* dan *retrievel mechanism* yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan.

02

Memantapkan kaedah punitif penamatan agar proses yang melibatkan penamatan kes-kes tatatertib dipermudahkan melalui *exit programme* yang jelas. Pegawai yang menjejaskan prestasi organisasi diambil tindakan sewajarnya.

03

Usaha berterusan untuk memperkukuhkan nilai murni dan etika kerja positif melalui pelaksanaan Pelan Integriti KPM sejajar dengan Pelan Integriti Nasional.

04

Membentuk budaya kerja berteraskan kerjasama, komunikasi terbuka dan perkongsian maklumat serta persekitaran kerja yang kondusif.

05

Pembangunan budaya organisasi cemerlang berfokuskan nilai hormat-menghormati, kesetiaan dan kepercayaan dalam kalangan penjawat.

06

Pembangunan budaya organisasi cemerlang melalui pelaksanaan audit nilai secara berkala kepada warga organisasi.

07

Memberikan latihan kepada pegawai barisan hadapan dengan memfokuskan kepada kemahiran *emotional intelligence* dan sikap yang diperlukan dalam menangani sikap pelanggan.

08

Menjalankan kajian untuk mengenal pasti keperluan pelanggan.

09

Berterusan mendidik warga organisasi untuk membudayakan minda kelas pertama berfokuskan budaya penyelenggaraan untuk memudahkan proses kerja dan menjimatkan wang awam.



3.4 KEPERLUAN KEPADA PELAN ANTIRASUAH KPM

3.4.1 Inisiatif

RINGKASAN INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN PENTADBIRAN	BIDANG KEUTAMAAN PEROLEHAN	BIDANG KEUTAMAAN TADBIR URUS KORPORAT
INISIATIF	INISIATIF	INISIATIF
22	15	2

JUMLAH KESELURUHAN INISIATIF : 39

Bidang Keutamaan 1: Pentadbiran

RINGKASAN

BIDANG KEUTAMAAN 1 Strategi 1:	PENTADBIRAN Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
Objektif Strategik:	**Inisiatif**
1.1. Merekayasa Perkhidmatan ke Arah Tadbir Urus yang Baik.	14
1.2. Menggalakkan Merit dan Integriti dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Pelantikan ke Mana-mana Jawatan.	2
1.3. Menambah baik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan dalam Kalangan Pegawai Awam melalui Program Berdasarkan Kepada *Human Governance*.	6

JUMLAH : 22



BIDANG KEUTAMAAN 1: PENTADBIRAN

Strategi 1 : Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

Objektif Strategik 1.1: Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
1.	Penyalahgunaan Aset Kerajaan untuk Kepentingan Peribadi.	1. Melaksanakan atau mewujudkan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang lebih sistematik.	BPA	5 tahun (2020-2024)
		2. Melaksanakan program latihan pengurusan aset kerajaan.	BPSM	5 tahun (2020-2024) - diadakan setiap suku tahun
		3. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024
2.	Penyalahgunaan kuasa dalam membuat keputusan.	1. Membuat pemeriksaan mengejut secara rawak ke atas bahagian/ jabatan.	BPSM UI	5 tahun (2020-2024) - diadakan 2 kali setahun
		2. Menguatkuasakan dasar pusingan kerja bagi pegawai yang telah berkhidmat 3 tahun ke atas selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2004 (Panduan Pertukaran Pegawai Awam).	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)
		3. Melaksanakan program kesedaran secara berterusan kepada pegawai awam yang terlibat dalam membuat keputusan.	BPSM	5 tahun (2020-2024) - diadakan setiap suku tahun
		4. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENTADBIRAN

Strategi 1: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

Objektif Strategik 1.1: Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
3.	Pemalsuan dokumen berkaitan urusan rasmi kerajaan.	1. Melaksanakan program kesedaran berkaitan pengurusan dokumen yang berkaitan urusan rasmi kerajaan secara berterusan kepada pegawai awam yang terlibat dalam membuat keputusan.	BPSM	5 tahun (2020-2024) - diadakan setiap suku tahun
		2. Melaksanakan atau mewujudkan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang lebih sistematik.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)
		3. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)
4.	Kebocoran maklumat terperingkat kerajaan	1. Melaksanakan program kesedaran secara berterusan kepada pegawai awam yang bertanggungjawab.	BPM	5 tahun (2020-2024) - diadakan 2 kali setahun
		2. Melaksanakan atau mewujudkan mekanisme pengurusan dokumen terperingkat yang lebih sistematik.	BKP BPM	5 tahun (2020-2024)
		3. Memastikan atau mempertingkatkan sistem keselamatan rangkaian sentiasa dikemas kini.	BKP	5 tahun (2020-2024)
		4. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENTADBIRAN

Strategi 1: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

Objektif Strategik 1.2: Menggalakkan merit dan integriti dalam proses pengambilan, pemilihan dan pelantikan ke mana-mana jawatan

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
1.	Penyalahgunaan kuasa dalam urusan kenaikan pangkat dan penempatan pegawai untuk sesuatu jawatan dalam jabatan.	1. Melaksanakan atau mewujudkan mekanisme pengurusan penempatan pegawai yang boleh dirujuk oleh semua bahagian dan jabatan.	BPSM	5 tahun (2020-2024)
		2. Melaksanakan ujian psikometrik ke atas pegawai baharu.	BPsK	5 tahun (2020-2024)


BIDANG KEUTAMAAN 1: PENTADBIRAN

Strategi 1: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

Objektif Strategik 1.3: Menambah baik Keberkesanan Pembangunan Profesional Berterusan dalam Kalangan Pegawai Awam melalui Program Berdasarkan kepada *Human Governance*

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
1.	Ketidakhadiran pegawai ke program pembangunan profesionalisme.	1. Melaksanakan Prosedur Operasi Standard sedia ada terhadap pelaksanaan Program.	BPSM	5 tahun (2020-2024)
		2. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa bagi program pembangunan profesionalisme.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)
2.	Ketidakberadaan pegawai awam dalam waktu bertugas.	1. Melaksanakan atau mewujudkan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang lebih sistematik.	BPSM	5 tahun (2020-2024)
		2. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)
3.	Membuat pernyataan awam tanpa kebenaran	1. Membuat peringatan berkaitan peraturan berkaitan pernyataan awam.	UI	5 tahun (2020-2024)
		2. Menyemarakkan program pembudayaan integriti, tadbir urus dan antirasuah.	UI	5 tahun (2020-2024)

Bidang Keutamaan 2: Perolehan



BIDANG KEUTAMAAN 2: PEROLEHAN

Strategi 2: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam.

Objektif Strategik 2.1: Memperkukuh Kerangka Perolehan dan Pembangunan.

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
1.	Penyalahgunaan Aset Kerajaan untuk Kepentingan Peribadi.	1. Menguatkuasakan sistem penggiliran pelantikan pembekal bagi mengelakkan monopoli perniagaan dalam kementerian.	BPL	5 tahun (2020-2024)
		2. Mengkaji semula dan menambahbaik terma rujukan pemilihan urus setia dan jawatankuasa penilaian yang terlibat dalam perolehan supaya bebas daripada sebarang unsur penyelewengan dan salah	BPL	5 tahun (2020-2024)
		3. Menyediakan program latihan berkaitan pengurusan perolehan dan projek awam kepada pegawai bertanggungjawab.	BPSM	5 tahun (2020-2024) - diadakan setiap suku tahun

BIDANG KEUTAMAAN 2: PEROLEHAN

Strategi 2: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam.

Objektif Strategik 2.1: Memperkukuh Kerangka Perolehan dan Pembangunan.

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
		4. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.	Semua Bahagian dan Jabatan	5 tahun (2020-2024)
2.	Pemalsuan dokumen yang diterima daripada pembekal.	1. Menyediakan garis panduan penerimaan perolehan yang lebih terperinci dan sesuai dengan keperluan kementerian.	BPL	5 tahun (2020-2024)
3.	Ketirisan Maklumat Perolehan	1. Mengadakan taklimat integriti kepada pegawai yang dilantik sebagai jawatankuasa penilai mengenai kesalahan yang biasa berlaku dalam perolehan.	BPL	5 tahun (2020-2024)
		2. Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.	Semua Bahagian dan Jabatan.	5 tahun (2020-2024)
4.	Kelemahan penguatkuasaan terhadap pelanggaran kontrak	1. Mewujudkan unit khas dalam proses menyemak semua kontrak berkaitan perolehan kementerian.	PUU	2 tahun (2020-2021)
		2. Melaksanakan pemantauan ke atas semua projek supaya mematuhi spesifikasi perjanjian dalam kontrak.	BP	5 tahun (2020-2024)
		3. Menyediakan latihan/ kursus berkenaan pengurusan perolehan kepada pegawai yang bertanggungjawab.	BPSM	5 tahun (2020-2024)
		4. Memantapkan sistem koordinasi maklumat antara pihak yang mengendalikan perolehan dengan pihak yang membuat pengesahan penerimaan.	BPL	5 tahun (2020-2024)

BIDANG KEUTAMAAN 2: PEROLEHAN

Strategi 2.2: Meningkatkan ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan.

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
1.	Projek Lewat Dilaksanakan Setelah Mendapat Kelulusan JPICT	1. Memantapkan SOP Perolehan ICT dengan mewujudkan sistem pemantauan projek ICT secara dalam talian (online) yang komprehensif dan boleh diakses pada bila-bila masa oleh Pegawai Pengawal.	BPL	1 tahun (2020-2024)
		2. Memastikan kelulusan projek ICT adalah berasaskan Plan yang telah diluluskan kecuali bagi projek/ permohonan kecemasan.	BPM	5 tahun (2020-2024)
2.	Kelewatan Penyiapan Projek Sakit	1. Mewujudkan sistem pemantauan projek pembangunan secara dalam talian yang komprehensif dan boleh diakses pada bila-bila masa oleh Pegawai Pengawal.	BP	1 tahun (2021)
		2. Memberikan latihan senario dan kajian kes (*case study*) kepada pegawai yang terlibat.	BPSM	5 tahun (2020-2024) - diadakan setiap suku tahun



Bidang Keutamaan 3: Tadbir Urus Korporat

RINGKASAN

BIDANG KEUTAMAAN 3
Strategi 3:

TADBIR URUS KORPORAT
Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat.

Objektif Strategik:

3.1. Memastikan Pengamalan Ketelusan Oleh Pihak Yang Mengawal Entiti Korporat.

Inisiatif

2

JUMLAH : 2

BIDANG KEUTAMAAN 3: TADBIR URUS KORPORAT
Strategi 3: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat
Objektif Strategik 3.1: Memastikan Pengamalan Ketelusan oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat

Bil.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (Kelemahan: Governans, Integriti & Antirasuah)	INISIATIF/ TINDAKAN (Tangani/ Atasi Risiko)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN 2020-2024
1.	Kelemahan tadbir urus dalam entiti korporat di bawah KPM.	1. Mewajibkan semua badan berkanun dan agensi di bawah KPM membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi dengan dibantu oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC), SPRM dan INTEGRITI.	• PADU • EMGS • PKB • ITBM • PTPTN • MPM • MQA • Semua UA • Semua Hospital Pengajar	2 tahun (2020-2021)
		2. Memperluas penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad dengan Jaminan (GLBC) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.		3 tahun (2020-2022)

3.4.2 Bahagian/ Jabatan/ Unit.

Semua bahagian, jabatan dan uinit di KPM adalah terlibat serta berperanan dalam pembangunan, penggubalan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah KPM.







BAB IV
KAEDAH PENGUKURAN

KAEDAH PENGUKURAN

Pelaksanaan Pelan Antirasuah KPM menggunakan kaedah pengukuran yang berteraskan Mekanisme Pemantauan dan Penilaian [Monitoring and Evaluation (M&E)]. Mekanisme Pemantauan dan Penilaian yang dilaksanakan dapat memastikan pelaksanaan pelan ini berkesan dan efektif dalam mencapai objektif yang ditetapkan.

4.1 Pakar Rujuk

Pelaksanaan Pelan Antirasuah KPM melibatkan 3 pihak berkepentingan iaitu pakar rujuk yang telah menjadi rujukan seperti yang berikut:

» GIACC;
» SPRM; dan
» INTEGRITI.

Selaku agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan Pelan Antirasuah, GIACC, SPRM dan INTEGRITI memainkan peranan yang penting pada awal proses penggubalan Pelan Antirasuah KPM bagi memastikan pelan ini mampu menjadi dokumen rasmi kementerian dalam proses pengurusan risiko rasuah.

4.2 Mekanisme Pemantauan dan Penilaian

Mekanisme pemantauan dan penilaian dalam pelaksanaan pelan ini merujuk kepada proses meneliti dan menganalisis setiap pelan tinda-





kan secara berterusan untuk membandingkan dan menilai keberkesanan pelaksanaan inisiatif pelan tindakan yang digariskan terhadap keputusan yang diharapkan (pencapaian output dan kemajuan ke arah hasil).

4.2.1. Struktur Pentadbiran Mekanisme Pemantauan dan Penilaian.

Di peringkat KPM, mekanisme pemantauan dan penilaian secara berkala akan dilaksanakan mengikut struktur pentadbiran yang terdiri daripada dua peringkat seperti yang berikut:

Peringkat Operasi

- Dipengerusikan oleh TKSU (Pengurusan)
- Unit Integriti selaku urus setia induk Pelan Antirasuah KPM
- Semua Bahagian KPM, JPN, JPT, JPPKK yang melaksanakan Inisiatif Pelan Tindakan



Peringkat Pengurusan Tertinggi

- Ketua Setiausaha
- Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- Ketua Pengarah JPT
- Ketua Pengarah JPPKK
- Timbalan Ketua Setiausaha
- Setiausaha/ Pengarah Bahagian
- Pengarah JPN

Kedua-dua peringkat ini akan memastikan mekanisme pemantauan dan penilaian dilaksanakan dengan terancang dan berkala dengan memberi perhatian kepada tugas-tugas utama seperti yang berikut:



PEMANTAUAN

- Mengenal pasti dan menentukan objektif Pelan Tindakan yang digariskan dalam Pelan Antirasuah KPM
- Menentukan kaedah pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian untuk memastikan keputusan yang sahih
- Menentukan dan menetapkan indikator yang digunakan untuk mekanisme pemantauan
- Mengenal pasti kekerapan pemantauan pelan
- Menentukan mekanisme pelaporan pemantauan

PENILAIAN

- Memantau status pelaksanaan dan pencapaian inisiatif Pelan Antirasuah KPM dari semasa ke semasa
- Menilai keberkesanan pelaksanaan inisiatif untuk memastikan objektif Pelan Antirasuah KPM yang ditetapkan dapat dicapai
- Menetapkan outcome/ output yang hendak dicapai melalui pelaksanaan insiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Antirasuah KPM
- Mencadangkan penambahbaikan terhadap inisiatif yang digariskan dalam Pelan Antirasuah KPM
- Memastikan bahawa setiap pelan tindakan dilaksanakan seperti yang dirancang dalam Pelan Antirasuah KPM



Laporan status pelaksanaan pelan akan dikemukakan kepada urus setia JAR KPM

MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) KPM

JAR KPM Menasihati dan memberi tunjuk ajar untuk memastikan Pelan Antirasuah KPM adalah efekfif dan mampu mencapai objektif yang ditetapkan

4.2.2. Mekanisme Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian Pelan Antirasuah KPM

Mekanisme Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian akan dilaksanakan secara terancang dan berkala, yakni, dapatan pemantauan akan direkod-kan untuk menilai keberkesanan setiap Inisiatif Pelan Tindakan. Proses pemantauan akan dibuat terhadap pelaksanaan setiap Pelan tindakan yang digariskan dalam Pelan Antirasuah KPM. Laporan Pemantauan akan diselaraskan oleh Unit Integriti selaku urus setia induk Pelan Antirasuah KPM. Laporan pemantauan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Antirasuah KPM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPM sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Ketua Setiausaha KPM. Pelaporan status pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah KPM akan dijadikan sebagai agenda tetap dalam JAR KPM yang merupakan platfom yang sesuai untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan governans, integriti dan antirasuah.

4.2.3. Kerangka Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian Pelan Antirasuah KPM (Dalaman)

Menyediakan laporan dan Analisis Pelan Antirasuah KPM

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PELAN ANTIRASUAH KPM

- Mesyuarat diadakan 3 kali setahun
- Penilaian terhadap setiap pelan tindakan
- Penilaian secara kualitatif dan kuantitatif
- Memantau keberkesanan pelan tindakan secara keseluruhan
- Penambahbaikan terhadap pelan tindakan yang kurang efektif.

UNIT INTEGRITI (URUS SETIA INDUK PELAN ANTIRASUAH KPM)

BAHAGIAN-BAHAGIAN PENERAJU KPM

Bahagian-bahagian peneraju mengemukakan laporan status pelaksanaan Inisiatif kepada urus setia induk Pelan Antirasuah KPM 3 kali setahun





BAB V
PENUTUP



KESIMPULAN

Tujuan utama pembangunan dan penggubalan Pelan Antirasuah KPM adalah untuk menghasilkan pelan induk yang spesifik, praktikal dan strategik dalam usaha merangka pelbagai inisiatif atau usaha dan tindakan untuk memerangi salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam KPM. Selain itu, Pelan Antirasuah KPM berperanan menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil oleh kementerian.

Pelan Antirasuah KPM ialah pelan yang sejajar dengan usaha merealisasikan hasrat kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti. Pelan ini juga akan berperanan dalam penentuan dasar dan hala tuju tadbir urus, integriti dan antirasuah di kementerian. Pelan Antirasuah KPM Tahun 2020-2024 adalah dokumen milik KPM.

Keberhasilan Pelan Antirasuah KPM akan berperanan dalam usaha merancang pelaksanaan secara dalaman untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Pelan khusus yang dianalisis secara teliti dengan kaedah penilaian risiko rasuah akan dapat mengenal pasti bidang keutamaan yang memerlukan perhatian serius. Dari semasa ke semasa Pelan Antirasuah KPM akan dinilai dan diberikan penambahbaikan berterusan, bergantung pada keadaan semasa. Semua bahagian pelaksana harus mengambil peranan masing-masing dalam merealisasikan apa yang terkandung dalam Pelan Antirasuah KPM.

Keberhasilan bergantung pada komitmen tinggi dan keseriusan pihak pengurusan serta warga kementerian dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah KPM. Keberhasilan Pelan Antirasuah KPM akan melahirkan warga kementerian yang mempunyai nilai-nilai etika governans, integriti dan antirasuah berkualiti tinggi secara konsisten serta berterusan.



Proses Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah KPM bermula pada bulan Oktober 2019 dan mengambil masa selama 6 bulan untuk menghasilkan Pelan Antirasuah yang komprehensif yang merupakan dokumen rasmi Kementerian dalam bidang pengurusan risiko rasuah di KPM.

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan bebas rasuah, usaha pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah perlu dilaksanakan di semua peringkat kementerian dan agensi kerajaan. Di peringkat KPM iltizam ini telah diterjemahkan melalui Pelan Antirasuah KPM Tahun 2020-2024. Pelan Antirasuah KPM yang dibangunkan dan digubal melalui 3 strategi utama yang merangkumi 39 Inisiatif diharap mampu membantu KPM untuk mewujudkan tadbir urus yang baik dan dapat menutup sebarang ruang peluang rasuah, penyelewengan mahupun penyalahgunaan kuasa.

Pelaksanaan Pelan Antirasuah KPM yang dibangunkan untuk tempoh 5 tahun ini bukan sahaja dapat mengekalkan tahap integriti yang terbaik dalam kalangan warga KPM malah ia juga meningkatkan kecemerlangan dan komitmen yang tinggi dalam memberi perkhidmatan kepada pemegang taruh/ *stakeholders.*







KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

